ITINERARY UMRAH (12 HARI)

MAKKAH . TAIF . MADINAH

PENGINAPAN		
MADINAH	5 HARI 5 MALAM	Makarem Burj Al-Madinah (5*)
MAKKAH	7 HARI 6 MALAM	MAKKAH HOTEL & TOWERS (5*) (Previously Hilton Makkah)
TAIF	DAY TRIP	-

PERJALANAN	FLIGHT NO.	TARIKH	DEPARTURE	ARRIVAL
PENERBANGAN	Qatar Airways / Gulf Air / Saudi Airlines			
PENGANGKUTAN DARAT	BAS VIP SELESA			

** Nota: Perubahan pada penerbangan atau penginapan mungkin berlaku, namun penggantian akan setaraf kualitinya.*

Hari 1: Ketibaan di Lapangan Terbang Changi
Jemaah berkumpul di Terminal 1, Lapangan Terbang Changi. Semua jemaah akan berkumpul di pintu pelepasan yang akan dimaklumkan pada hari berlepas sebelum menaiki pesawat ke Madinah.

Hari 2: Ketibaan di Madinah
Jemaah tiba di Lapangan Terbang Madinah dan akan melalui urusan pasport serta visa di imigresen. Selepas itu, jemaah diberikan masa untuk berehat dan mengunjungi Masjid Nabawi. Pada waktu malam, jemaah akan ke Masjid Quba.

Hari 3: Solat Jumaat di Masjid Nabawi
Jemaah berkumpul di lobi hotel untuk menunaikan solat Jumaat bersama Ustaz di Masjid Nabawi. Selebihnya, jemaah diberikan masa untuk berehat dan menjalankan aktiviti bebas.

Hari 4: Ziarah Kota Madinah
Jemaah berkumpul di lobi hotel untuk menaiki bas bagi lawatan sekitar Kota Madinah. Jemaah akan dibawa melawat Masjid Quba, Masjid Qiblatain, Jabal Uhud dan kebun kurma milik sahabat Ustaz Fadhli sejak zaman universiti. Jemaah akan kembali ke hotel sebelum waktu solat Zohor.

Selepas menunaikan solat Zohor di Masjid Nabawi, jemaah diberikan masa untuk aktiviti bebas. Pada waktu malam, jemaah akan dibawa ke Raudhah. Jemaah lelaki akan dibimbing oleh Ustaz Fadhli, manakala jemaah perempuan akan dibimbing khas oleh seorang ustazah.

TA 03713 رحلات بلا حدود
MUHAMMAD FADHLI TRAVELS & TOURS
MENITI PERJALANAN SUNNAH
+65 8342 4984
The Golden Landmark, #03-01

ITINERARY UMRAH (12 HARI)

MAKKAH . TAIF . MADINAH

Hari 5: Ziarah Raudhah & Ibadah di Masjid Nabawi
Jemaah akan berpeluang mengunjungi Raudhah. Selebihnya, aktiviti bebas untuk berehat serta memperbanyakkan solat dan ibadah di Masjid Nabawi.

Hari 6: Perjalanan ke Makkah & Ibadah Umrah
Jemaah bergerak ke Makkah Al-Mukarramah selepas solat Zohor. Setibanya di Makkah, jemaah akan mendaftar masuk ke hotel dan berkumpul di lobi untuk mengerjakan ibadah Umrah. Jemaah akan bergerak secara berjemaah ke Masjidil Haram dan diberikan taklimat terakhir sebelum memulakan ibadah Umrah yang merangkumi tawaf, sa'ie dan tahalul. Semoga mendapat Umrah yang mabrurah, insya-Allah.

Nota: Selepas selesai mengerjakan ibadah Umrah, jemaah akan diberikan aktiviti bebas. Masing-masing boleh memilih untuk ke masjid sendiri bagi mengerjakan solat, iktikaf, berehat dan sebagainya. Sekiranya ada jemaah yang ingin ke masjid secara berkumpulan pada setiap solat fardu, Ustaz akan memberikan tempat dan waktu untuk berkumpul.

Hari 7: Ibadah di Masjidil Haram
Aktiviti bebas untuk berehat serta memperbanyakkan solat dan ibadah di Masjidil Haram. Jemaah juga berpeluang menunaikan solat Tarawih.

Lawatan pilihan ke Gua Hira boleh dilakukan selepas selesai solat Tarawih.

Hari 8: Ziarah Kota Makkah
Selepas selesai solat Tarawih, jemaah berkumpul di lobi hotel untuk menaiki bas bagi lawatan sekitar Kota Makkah. Jemaah akan dibawa melawat Gua Tsur, Jabal Arafah dan kawasan sekitar kompleks Haji di Mina. Selepas selesai lawatan, jemaah akan kembali ke hotel dan diberikan masa untuk aktiviti bebas.

Hari 9: Umrah Badal
Selepas solat Isyak, jemaah berpeluang menyertai program Umrah Badal secara eksklusif, insya-Allah. Jemaah akan bergerak ke Tan'im untuk mengerjakan Umrah Badal.

Hari 10: Solat Jumaat di Masjidil Haram & Aktiviti Sedekah
Jemaah berkumpul di lobi hotel untuk menunaikan solat Jumaat bersama Ustaz di Masjidil Haram. Selepas solat Asar, jemaah akan berkumpul untuk menjalankan aktiviti sedekah. Selebihnya, aktiviti bebas.

Hari 11: Lawatan ke Taif
Jemaah berkumpul di lobi hotel dan bertolak ke Taif. Jemaah juga berpeluang menikmati hidangan nasi unta di sana. Selepas selesai lawatan, jemaah akan pulang ke hotel dan menjalankan aktiviti bebas.

MUHAMMAD FADHLI TRAVELS AND TOURS PRIVATE LIMITED ★ SINGAPORE ★

TA 03713 رحلات بلا حدود
MUHAMMAD FADHLI TRAVELS & TOURS
MENITI PERJALANAN SUNNAH

+65 8342 4984 The Golden Landmark, #03-01

ITINERARY UMRAH (12 HARI)

MAKKAH . TAIF . MADINAH

- **Hari 12 & Hari 13: Perjalanan Pulang ke Singapura**
  Jemaah berkumpul di lobi hotel dan bertolak ke Lapangan Terbang Jeddah untuk menaiki penerbangan ke Doha. Setibanya di Lapangan Terbang Doha, jemaah akan meneruskan penerbangan pulang ke Singapura.

- Jemaah dijangka tiba di Terminal 1, Lapangan Terbang Changi, Singapura, insya-Allah.

Moga Allah terima amalan anda dan moga mendapat Umrah Mabrurah Allahumma Amin!



MUHAMMAD FADHLI TRAVELS AND TOURS PRIVATE LIMITED ★ SINGAPORE ★

TA 03713 رحلات بلا حدود

MUHAMMAD FADHLI TRAVELS & TOURS

MENITI PERJALANAN SUNNAH

+65 8342 4984 The Golden Landmark, #03-01